



SOALAN LAZIM (FAQ) PEMBAYARAN DALAM TALIAN MELALUI REVENUE MANAGEMENT SYSTEM (RMS)

1. Bagaimanakah cara membuat pembayaran dalam talian melalui RMS?

Pengguna perlu log masuk ke RMS, pilih bayaran yang ingin dibuat, semak maklumat bayaran dan klik "*Pay Online*". Selepas bayaran berjaya, pengguna akan dibawa ke halaman pengesahan pembayaran.

2. Bagaimanakah cara membuat pembayaran selepas dibawa ke halaman pembayaran?

Selepas dibawa ke halaman pembayaran, pilih kaedah bayaran yang tersedia seperti kad kredit, kad debit, perbankan dalam talian atau e-dompet (e-wallet). Jika menggunakan kad, masukkan maklumat kad yang diminta. Jika menggunakan perbankan dalam talian, pilih bank dan lengkapkan pengesahan bayaran seperti biasa. Jika menggunakan e-dompet, pilih e-dompet yang dipaparkan semasa memilih kaedah pembayaran.

3. Apakah yang berlaku selepas bayaran berjaya dibuat?

Selepas bayaran berjaya, status bayaran akan dikemas kini kepada "Paid". Rekod bayaran juga akan disimpan dalam sejarah bayaran dan resit akan dihantar melalui e-mel.

4. Apakah yang perlu dilakukan sekiranya halaman pembayaran memaparkan status pembayaran gagal?

Sekiranya pembayaran gagal, halaman pembayaran akan memaparkan mesej kegagalan. Anda boleh mencuba semula dengan menyemak butiran pembayaran atau menghubungi **SSM Customer Care** di talian 03-7721 4000 atau melalui e-mel enquiry@ssm.com.my untuk bantuan.

5. Adakah saya akan menerima resit selepas bayaran dibuat?

Ya, selepas pembayaran berjaya, anda akan menerima e-mel daripada rmsadmin@ssm.com.my dengan subjek "Payment Successful - Receipt Attached". Resit tersebut akan mengandungi butiran transaksi seperti amaun yang dibayar, item yang dibeli dan kaedah pembayaran.

6. Apakah maklumat yang akan dipaparkan pada resit?

Resit akan memaparkan butiran transaksi termasuk nombor rujukan pesanan, status pembayaran, nombor resit, tarikh resit dan amaun pembayaran. Maklumat tersebut akan sepadan dengan butiran yang dimasukkan semasa proses transaksi.

7. Bolehkah saya menyemak status pembayaran dalam sistem?

Ya, status pembayaran akan dikemas kini kepada "Paid" dalam sistem. Status tersebut boleh disemak dalam sejarah bayaran.

8. Bagaimanakah saya mengetahui bahawa pembayaran saya telah berjaya?

Bayaran dianggap berjaya apabila halaman pengesahan pembayaran dipaparkan dan status bayaran dikemas kini kepada "Paid". Anda juga akan menerima e-mel pengesahan bersama resit.

9. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya saya tidak menerima e-mel resit pembayaran?

Sekiranya anda tidak menerima e-mel resit pembayaran, sila semak *folder spam* terlebih dahulu. Jika e-mel tersebut masih tiada, sila hubungi **SSM Customer Care** di talian 03-7721 4000 atau melalui e-mel enquiry@ssm.com.my untuk bantuan.

10. Bolehkah saya membuat pembayaran sekiranya amaun bayaran adalah sifar?

Tidak. Jika amaun bayaran adalah RM0.00, tiada bayaran perlu dibuat dan resit akan dijana secara automatik.

11. Berapa lama masa yang diberikan untuk melengkapkan bayaran?

Bayaran perlu dilengkapkan dalam tempoh yang ditetapkan pada halaman pembayaran. Jika tempoh tersebut tamat, anda mungkin perlu memulakan semula proses bayaran.

12. Apakah yang berlaku sekiranya saya mengklik "*Proceed*" selepas pembayaran selesai?

Selepas pembayaran selesai, tindakan mengklik "*Proceed*" pada halaman pengesahan pembayaran RMS akan mengarahkan anda kembali ke sistem asal yang digunakan dengan status pembayaran yang telah dikemas kini serta butiran transaksi lain yang berkaitan.

13. Bolehkah saya mengemas kini maklumat bil sebelum membuat pembayaran?

Ya. Anda boleh mengemas kini maklumat bil sebelum meneruskan bayaran. Maklumat yang dimasukkan akan dipaparkan pada resit.

14. Apakah yang perlu dilakukan jika halaman pembayaran tidak memberikan respons?

Sila semak sambungan internet anda atau cuba semula kemudian. Jika isu berterusan, hubungi SSM Customer Care di talian 03-7721 4000 atau melalui e-mel enquiry@ssm.com.my untuk bantuan.

15. Bagaimanakah saya mengesahkan butiran pembayaran sebelum meneruskan ke halaman pembayaran?

Sebelum meneruskan pembayaran, anda berpeluang untuk menyemak semua butiran pembayaran termasuk butiran produk, maklumat bil serta sebarang insentif atau potongan yang berkenaan. Pastikan semua maklumat adalah betul sebelum mengklik "*Pay Online*".

16. Saya telah menerima e-mel daripada sistem asal yang meminta pembayaran dalam talian. Bagaimanakah saya perlu membuat pembayaran?

Sekiranya anda menerima pautan pembayaran melalui e-mel, klik pautan tersebut untuk diarahkan ke halaman pembayaran RMS. Kemudian, ikuti proses biasa untuk melengkapkan pembayaran melalui halaman pembayaran.

17. Bolehkah saya mengakses sejarah pembayaran selepas melengkapkan pembayaran?

Ya, selepas melengkapkan pembayaran, anda boleh melihat sejarah pembayaran dalam sistem asal. Butiran transaksi termasuk status dan resit akan tersedia untuk rujukan. Sejarah pembayaran juga boleh diakses melalui *RMS Public Portal > My Transactions*.

18. Bagaimanakah sistem memaklumkan jika berlaku ralat bayaran?

Ralat pembayaran seperti kegagalan transaksi atau butiran pembayaran yang tidak tepat akan mencetuskan mesej ralat.

Anda boleh mencuba semula atau menghubungi SSM Customer Care di talian 03-7721 4000 atau melalui e-mel enquiry@ssm.com.my untuk bantuan.

19. Bolehkah bayaran dibatalkan selepas berjaya diproses?

Bayaran yang telah berjaya diproses dan mempunyai resit tidak boleh dibatalkan. Walau bagaimanapun, anda boleh mengemukakan permohonan bayaran balik melalui *RMS Refund* dan tertakluk kepada prosedur yang ditetapkan.

20. Bagaimana untuk memastikan pembayaran berjalan lancar?

- a) Pastikan sambungan internet stabil;
- b) Semak butiran pembayaran sebelum membuat pengesahan;
dan
- c) Lengkapkan pembayaran dalam tempoh masa yang ditetapkan bagi mengelakkan sesi tamat.